

**MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD**

Untung bersih suku keempat MSM RM13.1 juta

Oleh Nasuha Badrul Huzaini
nasuha@nstp.com.my



KUALA LUMPUR: Keuntungan bersih pengeluar gula terbesar di negara ini, MSM Malaysia Holdings Bhd merosot sebanyak 9.1 peratus kepada RM13.1 juta atau 1.86 sen sesaham dalam suku keempat berakhir 31 Disember lalu.

Ia berbanding RM14.4 juta atau 2.05 sen sesaham dalam suku yang sama tahun sebelumnya.

Penurunan itu dipengaruhi oleh pendapatan yang lebih rendah yang dicatatkan bagi suku berkenaan iaitu RM656.1 juta, 21.7 peratus lebih rendah daripada RM838.3 juta yang diperoleh pada tahun sebelumnya.

Dalam satu kenyataan kepada Bursa Malaysia, kumpulan itu berkata pendapatan yang lebih rendah berlaku disebabkan oleh pengurangan 12 peratus jumlah keseluruhan yang dijual bagi pasaran tempatan, manakala untung yang lebih rendah pula berikutan kos kewangan dan cukai lebih tinggi.

Bagi tahun kewangan 2017, MSM mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM32.6 juta atau 4.63 sen sesaham berbanding keuntungan bersih sebanyak RM120.7 juta atau 17.18 sen sesaham yang dicatatkan pada tahun kewangan 2016.

Prestasi itu disebabkan oleh kos bahan mentah yang tinggi dan nilai ringgit yang lemah.

Bagaimanapun, pendapatan kumpulan menunjukkan peningkatan sebanyak 0.29 peratus kepada RM2.67 bilion bagi tahun kewangan 2017, berbanding RM2.66 bilion pada tahun sebelumnya.

Ia disumbangkan oleh purata harga jualan yang meningkat pada tahun dikaji.

Bagi bahagian gula termasuklah penapisan gula, jualan dan pemasaran gula yang ditapis dan dagangan gula, ia mencatatkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM35 juta pada tahun dikaji berbanding keuntungan sebelum cukai sebanyak RM138.6 juta dalam tahun sebelumnya.

Segmen minyak sawit dan getah berjaya mengurangkan kerugian sebelum cukai kepada RM2.32 juta pada tahun kewangan 2017 berbanding RM6.37 juta pada tahun 2016.

Mengulas lanjut, MSM kekal optimistik dengan unjurannya bagi tahun kewangan 2018 kerana menjangka akan mendapat keuntungan daripada operasi yang ditambah baik, harga gula mentah yang lebih rendah dan nilai ringgit yang mengukuh.